

27/04/2004

Lahir masyarakat celik pelaburan

By Saufi Hamzah

RASIONAL konsep Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2004 seharusnya bertepatan iaitu `Bijak. Memang Bijak.'

Pelabur bijak pasti memilih pelaburan yang diuruskan oleh pengurusan profesional dan berhemat yang kemudian diterjemahkan menerusi pulangan selaras risiko pelaburan.

Justeru, penganjuran MSAM 2004 kali ini tepat pada masanya kerana ia berupaya menjadi pemangkin ke arah melahirkan masyarakat celik pelaburan yang bijak memilih, menilai dan merancang kewangan.

MSAM sudah pun diiktiraf sebagai agenda tahunan negara oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri ketika itu, apabila merasmikan Minggu Pelaburan Bersama PNB pada Jun 1999.

Rentetan daripada itu, pada 20 April 2000, buat pertama kalinya MSAM diperkenalkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) di Kuala Lumpur.

Pada 20 April lalu, menyaksikan penganjuran MSAM buat kali kelima. Dengan mengekalkan tema `Saham Amanah Pilihan Pelabur Bijak', ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam majlis meriah di Dewan Milenium, Kepala Batas, Pulau Pinang yang diadakan khusus untuk meneruskan usaha pendidikan pelaburan bersepadu PNB.

MSAM 2004 berteraskan matlamat untuk mendidik masyarakat agar lebih memahami mengenai pelaburan dan hubung kait antara risiko dan pulangan pelaburan.

Selain memberi penekanan mengenai kepentingan perancangan kewangan, MSAM 2004 juga bertujuan memantapkan lagi kedudukan unit amanah sebagai pilihan utama instrumen pelaburan selaras dengan matlamat `pelaburan jangka panjang untuk strategi jangka panjang.'

PNB kini mengurus 10 dana unit amanah saham iaitu Skim Amanah Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Harta Tanah PNB (AHP), Amanah Saham Nasional 2 (ASN 2), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Didik (ASD), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN 3), Amanah Harta Tanah PNB 2 (AHP 2) dan yang terkini ialah Amanah Saham Gemilang (ASG).

Selain mengekalkan aktiviti yang pernah diadakan pada tahun sebelumnya, beberapa program baru diwujudkan bagi mengukuhkan tujuan dan aspirasi untuk memeriahkan MSAM kali ini.

Untuk memastikan matlamat penganjuran MSAM 2004 berjaya dicapai, penyertaan masyarakat pelbagai lapisan dan sokongan daripada semua pihak adalah amat penting.

Pendekatan kegiatan MSAM 2004 dirangka secara dinamik dan interaktif, mencakupi seminar perancangan kewangan, seminar ekonomi, Cabaran Pelaburan PNB, kuiz pelaburan, aktiviti hiburan didik, sukaneka, persembahan kebudayaan dan pelbagai lagi yang pastinya menarik minat orang ramai.

MSAM 2004 turut diserikan dengan pameran disertai pelbagai pihak yang mendokong industri unit amanah negara iaitu syarikat pelaburan PNB, badan kawal selia dan agensi kerajaan serta ejen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

PNB begitu berharap agar MSAM terus menjadi pemangkin kepada usaha meningkatkan ilmu dan kefahaman masyarakat mengenai pelaburan, terutama pelaburan unit amanah dan merancang kewangan secara bijak.

Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata MSAM yang direncana sebagai satu agenda melahirkan masyarakat celik pelaburan semakin mencapai matlamatnya.

"Jika dulu, masyarakat berasa terasing untuk memperkatakan mengenai risiko dan pulangan, kini kefahaman mengenai industri pelaburan amat memberangsangkan. Inilah yang ingin dicapai menerusi penganjuran MSAM, di samping mengenali lebih dekat syarikat pelaburan PNB," katanya.

Beliau berkata, kejayaan PNB boleh diukur menerusi penyertaan masyarakat yang semakin menggalakkan dalam industri unit amanah negara.

Katanya, melalui PNB saja, lebih 44 bilion unit amanah berjaya digembleng daripada lebih lapan juta pemegang akaunnya.

"Saya amat berbangga dan mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan dan keyakinan yang ditunjukkan mereka," katanya.

(END)